



Terma-Terma dan Syarat-Syarat Jualan Piawai

Terma-terma berhuruf besar ditakrifkan di bawah. Melainkan ada terma-terma lain yang dinyatakan dalam Sebut Harga atau Invois Penjual, Terma-Terma dan Syarat-Syarat Jualan ("**Terma-Terma**") yang berikut akan mentadbir tawaran dan penjualan semua Barangan dan Perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual kepada Pembeli. Mana-mana terma dan syarat jualan (selain daripada terma ekonomi Pesanan) yang mungkin terkandung dalam mana-mana pesanan belian atau bentuk lain yang diberikan oleh Pembeli tidak berkuat kuasa dan efektif, tanpa mengambil kira bila masa ia diterima oleh Penjual. Dengan meletakkan Pesanan, Pembeli telah menerima Terma-terma ini, dan penjualan dan penghantaran Barangan dan Perkhidmatan oleh Penjual akan dianggap sebagai tertakluk kepada Terma-terma ini dan muktamad.

- Definisi.** "**Pembeli**" dan "**Penjual**" telah ditakrifkan dalam Sebut Harga atau Invois. "**Barangan**" adalah semua peralatan, produk, barangan-barangan, atau bahan-bahan yang disenaraikan dalam Sebut Harga atau Invois. "**Perkhidmatan**" adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang disenaraikan dalam Sebut Harga atau Invois. "**Sebut Harga**" akan dikeluarkan oleh Penjual kepada Pembeli untuk menawarkan penjualan Barangan dan mana-mana Perkhidmatan dan adalah sah untuk tempoh 30 hari dari tarikh ia dikeluarkan. "**Pesanan**" bermaksud komitmen Pembeli untuk membeli Barangan daripada Penjual. "**Invois**" adalah invois bertulis untuk Barangan dan/atau Perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual kepada Pembeli untuk Pesanan-Pesanan yang diterima oleh Penjual secara bertulis atau secara pelaksanaan.
- Pesanan-pesanan.** Penjual berhak untuk menerima atau menolak Pesanan mengikut budi bicara mutlakinya. Penerimaan Penjual untuk sesuatu Pesanan daripada Pembeli mungkin tertakluk kepada kelulusan kredit Pembeli dan syarat-syarat lain yang diperuntukkan oleh Penjual. Pembeli tidak berhak untuk membatalkan Pesanan tanpa kebenaran bertulis daripada Penjual terlebih dahulu.
- Harga dan Cukai.** Harga akan ditetapkan dalam Sebut Harga atau jadual harga yang diterbitkan oleh Penjual. Harga dan Syarat-syarat ini adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Kecuali jika dinyatakan secara khusus, harga tidak termasuk jualan, penggunaan, eksais atau cukai atau duti lain yang serupa dengannya ("**Cukai**"). Pembeli akan membayar sebarang dan semua caj pelepasan, yuran broker, Cukai dan amaun lain yang harus dibayar berkaitan dengan penghantaran Barangan oleh Penjual dan pemberian Perkhidmatan. Jika Penjual diperuntukkan untuk membayar sebarang Cukai untuk Barangan dan Perkhidmatan yang dibekalkan di bawah ini, Pembeli akan membayar balik Penjual bagi Cukai tersebut dengan segera.
- Pembayaran.** Pembeli akan membayar semua Invois dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh Invois dalam mata wang yang dinyatakan dalam Invois) dalam dana sedia segera melalui pindahan kawat ke akaun yang ditetapkan oleh Penjual atau melalui cek yang dibayar kepada Penjual. Bayaran tidak akan dianggap diterima sehingga Penjual menerima dana yang dijelaskan. Jika Penjual menghantar Barangan kepada Pembeli dalam lot, Penjual berhak untuk mengeluarkan invois kepada Pembeli untuk setiap lot dan Pembeli akan membayar semua Invois sebagaimana yang diperuntukkan. Pembeli akan membuat semua pembayaran yang perlu dibayar sepenuhnya tanpa sebarang potongan, sama ada melalui tolakan, tuntutan balas, diskaun, pengurangan atau sebaliknya. Jika Pembeli gagal membayar Penjual apa-apa jumlah yang perlu dibayar, Pembeli akan bertanggungjawab untuk membayar faedah pada kadar tahunan bersamaan dengan yang kurang daripada (a) 18% setahun, yang terakru setiap hari sehingga bayaran dibuat; atau (b) jumlah maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang.
- Penghantaran dan Penerimaan.** Penjual akan menghantar Barangan EX Works, fasiliti yang dicalonkan oleh Penjual (INCOTERMS® 2010). Pembeli akan membayar semua perbelanjaan pengangkutan, insurans dan perbelanjaan penghantaran lain, serta apa-apa perbelanjaan pembungkusan khas. Penjual akan menggunakan usaha yang berpatutan secara komersial untuk memenuhi penghantaran tarikh yang diperuntukkan dan berhak untuk menghantar Barangan secara penghantaran separa. Pembeli dianggap menerima Barangan di atas penghantaran kecuali jika Pembeli memberitahu Penjual secara bertulis apa-apa kerugian, kerosakan, kekurangan atau lain-lain ketidakpatuhan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penghantaran. Dalam ketiadaan notis itu, Pembeli tidak berhak untuk menolak Barangan atau Perkhidmatan dan perlu membayar harga Invois untuk Barangan tersebut. Pembeli tidak berhak untuk menggantung atau menangguhkan penghantaran Barangan. Jika Pembeli gagal untuk menerima penghantaran Barangan, Penjual berhak untuk menyimpan atau menguruskan penyimpanan Barangan atas risiko dan perbelanjaan Pembeli. Pembeli akan membayar dengan segera kos yang munasabah untuk penyimpanan dan insurans Barangan sehingga penghantaran. Penjual tidak akan menerima apa-apa pulangan Barangan tanpa kebenaran bertulis daripada Penjual terdahulu.
- Risiko dan Hakmilik.** Risiko kerugian atau kerosakan Barangan akan dipindahkan kepada Pembeli apabila Barangan tersebut diserahkan kepada Pembeli atau ejen-ejenjnya menurut Incoterm yang berkenaan. Hakmilik Barangan tersebut akan dipindahkan kepada Pembeli setelah Penjual menerima bayaran harga Invois Barangan sepenuhnya. Sehingga hakmilik dipindahkan kepada Pembeli, Pembeli akan menyimpan Barangan sebagai bailli Penjual berdasarkan asas fidusiari. Pembeli membuat representasi bahawa ia mempunyai insurans yang mencukupi untuk menampung risiko kerugian atau kerosakan yang dinyatakan dalam perenggan ini. Penjual menjamin bahawa hakmilik Barangan dipindahkan kepada Pembeli di atas penerimaan bayaran yang sepenuhnya oleh Penjual untuk Barangan tersebut.
- Kepentingan Sekuriti.** Pembeli memberikan kepentingan sekuriti kepada Penjual untuk Barangan dalam jumlah baki yang belum dibayar daripada harga sehingga dibayar sepenuhnya. Penjual berhak untuk memfailkan kenyataan pembiayaan untuk kepentingan sekuriti tersebut dan Pembeli akan menandatangani apa-apa pernyataan atau dokumen lain yang disifatkan penting untuk melindungi kepentingan sekuriti Penjual yang tertakluk kepada permintaan Penjual.
- Jaminan Terhad.**
 - Barangan.** Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Sebut Harga atau spesifikasi yang diterbitkan oleh Penjual untuk Barangan, Penjual memberi jaminan kepada Pembeli bahawa Barangan yang dibuat oleh Penjual akan bebas daripada kecacatan dalam bahan dan mutu kerja untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penghantaran. Remedi yang tunggal dan eksklusif untuk Pembeli di bawah jaminan ini akan, mengikut budi bicara tunggal dan eksklusif Penjual, untuk memperbaiki atau menggantikan Barangan yang terbukti rosak dengan Barangan yang bersesuaian.

Pembeli akan mengembalikan Barangan yang rosak itu kepada Penjual, jika diperlukan dan dibenarkan oleh Penjual, secara pengangkutan prabayar. Setakat yang dibenarkan oleh pembekal Penjual, Penjual akan memindahkan apa-apa jaminan daripada pembekal untuk komponen atau bahagian yang disediakan oleh pembekal itu yang berkaitan dengan Barangan yang dijual oleh Penjual kepada Pembeli, dan akan menggunakan usaha yang munasabah untuk membantu Pembeli dalam membuat tuntutan jaminan tertakluk kepada terma-terma jaminan pembekal.

- b. **Perkhidmatan.** Penjual memberi jaminan kepada Pembeli bahawa Perkhidmatan akan dilaksanakan dengan cara kerja yang mahir konsisten dengan tahap industri berkenaan. Sebarang laporan atau perakuan yang diberikan oleh Penjual adalah sah hanya pada tarikh yang diberikan, dan tidak membentuk satu jaminan atau gerenti selepas tarikh tersebut. Penjual akan, sebagai tanggungjawab mutlak dan remedi tunggal dan eksklusif Pembeli untuk sebarang pelanggaran jaminan Perkhidmatan yang dinyatakan di sini, melaksanakan semula Perkhidmatan tersebut yang menimbulkan pelanggaran atau, atas opsi Penjual, membayar balik bayaran yang dibayar oleh Pembeli untuk Perkhidmatan yang menimbulkan pelanggaran itu; dengan syarat Pembeli menyediakan notis bertulis yang munasabah dan terperinci kepada Penjual tentang pelanggaran itu dalam tempoh sembilan puluh (90) hari mengikut pelaksanaan Perkhidmatan cacat itu.
 - c. **Pengecualian.** Jaminan terhad di atas tidak terpakai jika Pembeli belum membuat pembayaran bagi Barangan atau Perkhidmatan sepenuhnya, dan tidak dilanjutkan atau tidak terpakai bagi (i) apa-apa kecacatan atau kerugian yang disebabkan salah guna, kemalangan, penyalahgunaan, pengabaian, haus dan lusuh yang biasa, pemasangan yang tidak wajar, kegagalan untuk mengekalkan atau aplikasi yang tidak betul, atau perkara-perkara yang disebabkan kecuaiian salah laku pembeli atau mana-mana pihak ketiga; (ii) barangan pengguna, yang jaminan tunggalnya adalah bebas daripada kecacatan dan bahan-bahan selepas penghantaran atau mana jaminan yang nyata dalam Syarat ini melebihi selang penggantian yang disarankan dan yang diterbitkan oleh Penjual; (iii) apa-apa penarikan balik atau caj buruh untuk pemindahan dan / atau penggantian barang yang rosak; (iv) pelaksanaan semula Perkhidmatan cacat oleh pihak ketiga; (v) apa-apa kecacatan barangan atau produk yang tidak dikeluarkan oleh Penjual atau dalam Perkhidmatan yang tidak dilaksanakan oleh Penjual; (vi) apa-apa Barangan yang dibuat mengikut spesifikasi Pembeli bagi bahan-bahan atau reka bentuk, atau (vii) apa-apa kecacatan barangan atau produk yang timbul selepas tarikh atau apa-apa laporan, perakuan, atau ringkasan yang disediakan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan yang disahkan pada satu tarikh tertentu.
9. **PENOLAK TUNTUTAN.** KECUALI UNTUK JAMINAN-JAMINAN NYATA YANG TERMAKTUB DALAM TERMA-TERMA, PENJUAL DAN PEMBEKAL-PEMBEKALNYA TIDAK AKAN DAN MENOLAK TUNTUTAN SEBARANG JAMINAN LAIN, SECARA NYATA, TERSIRAT ATAU DALAM STATUT, BERHUBUNG DENGAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN, TERMASUK, TANPA HAD, SEBARANG JAMINAN TERSIRAT DALAM HAKMILIK, KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, BUKAN PELANGGARAN, ATAU YANG TIMBUL DARIPADA PERLAKUAN, PERLAKSANAAN, URUSAN, PENGAJARAN DAN PERDAGANGAN.
 10. **Maklumat Sulit.** Semua maklumat teknikal dan/atau perniagaan yang didedahkan oleh satu pihak sama ada secara nyata yang dikenali sebagai sulit atau pada sifatnya sulit secara tersirat akan disimpan secara ketat oleh pihak penerima dan tidak akan digunakan oleh pihak penerima, selain untuk tujuan-tujuan pengeluaran, penjualan, pembelian atau penggunaan Barangan atau untuk pihak-pihak menjalankan kewajibannya di bawah ini.
 11. **Hak-hak Harta Intelek.** Antara Pembeli dan Penjual, Penjual mempunyai hakmilik dan mengekalkan semua hak, hakmilik dan kepentingan dalam dan untuk sebarang paten-paten, hakcipta, *mask works*, rahsia-rahsia dagangan, tanda niaga dan lain-lain hak harta intelek dalam dan untuk Barangan dan Perkhidmatan. Penjualan untuk Barangan atau pelaksanaan Perkhidmatan tidak memberi lesen, secara nyata atau tersirat, untuk penggunaan mana-mana tanda niaga Penjual atau nama perdagangan, dan Pembeli tidak akan menggunakan sebarang tanda niaga atau nama perdagangan Penjual berhubungan dengan mana-mana Barangan atau Perkhidmatan, selain daripada penjualan semula Barangan sebelum penandaan atau pembungkusan oleh atau bagi pihak Penjual.
 12. **Pelanggaran.** Subjek kepada terma-terma ini, Penjual akan menanggung kerugian, mempertahankan dan melindungi Pembeli dari tuntutan-tuntutan pihak ketiga sekiranya Barangan melanggar mana-mana paten yang sah. Penjual tidak mempunyai kewajiban untuk mana-mana tuntutan pelanggaran disebabkan oleh: (a) sebarang penggunaan Barangan kombinasi dengan produk-produk atau bahan-bahan lain atau tidak mengikut seperti diniatkan atau dinyatakan oleh Penjual; atau (b) sebarang Barangan dibuat untuk spesifikasi-spesifikasi atau rekabentuk Pembeli. Sekiranya Barangan menjadi, atau dalam pandangan Penjual adalah mungkin akan menjadi, subjek untuk tuntutan pelanggaran, Penjual boleh, dalam pilihannya dan dalam budi bicaranya, (i) mendapatkan hak untuk terus menggunakan Barangan tersebut bagi Pembeli; (ii) menggantikan atau mengubahsuai Barangan tersebut supaya menjadi tidakpelanggaran; atau (iii) menerima pulangan Barangan tersebut dan membayar balik Pembeli jumlah yang dibayar oleh Pembeli kepada Penjual untuk Barangan tersebut. Perlindungan tersebut tertakluk kepada: (y) Notis bertulis secara segera oleh Pembeli kepada Penjual untuk tuntutan tersebut; dan (z) Pembeli memberi Penjual kawalan secara mutlak untuk mempertahankan tuntutan dan semua bantuan yang munasabah berhubung dengan tuntutan tersebut. Pembeli tidak akan membuat sebarang pengakuan tentang liabiliti dan kompromi atau setuju untuk penyelesaian bagi sebarang tuntutan tanpa kebenaran secara bertulis oleh Penjual terlebih dahulu. Seksyen ini menyatakan remedi-remedi tunggal untuk Pembeli bagi tuntutan-tuntutan pelanggaran.
 13. **HAD LIABILITI.** WALAU APA JUA YANG BERCAANGGAH DALAM TERMA-TERMA INI, PADA TAHAP MAKSIMUM YANG DIBENARKAN DALAM UNDANG-UNDANG, (A) DALAM APA-APA JUA KEADAAN PEMBELI DAN PEMBEKAL-PEMBEKALNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PEMBELI ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA BAGI KOS PEMEROLEHAN UNTUK PENGGANTIAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN, ATAU MANA-MANA GANTI RUGI ISTIMEWA, TIDAK LANGSUNG, TELADAN, SAMPINGAN, PUNITIF DAN BERBANGKIT (TERMASUK, TANPA HAD, GANTI RUGI UNTUK KEHILANGAN KEUNTUNGAN, GANGGUAN PERNIAGAAN ATAU SEBARANG KERUGIAN YANG LAIN) AKIBAT DARIPADA TAWARAN TERSEBUT, PENJUALAN ATAU PENGGUNAAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN, DI BAWAH SEBARANG TEORI DAN LIABILITI, SAMA ADA BERDASARKAN KONTRAK, KECUAIAN, TORT, JAMINAN, ATAU SALAHLAKU LAIN-LAIN ATAU PENINGGALAN OLEH PENJUAL DAN SEKIRANYA PENJUAL TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN KERUGIAN TERSEBUT DAN (B) JUMLAH LIABILITI PENJUAL UNTUK SEMUA TUNTUTAN ADALAH TERHAD KEPADA GANTI RUGI LANGSUNG DALAM JUMLAH TIDAK MELEBIHI JUMLAH HARGA YANG DIBAYAR KEPADA PENJUAL MENURUT PESANAN YANG MANA LIABILITI TERSEBUT TIMBUL..
 14. **Tanggung Rugi.** Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Pembeli akan mempertahankan dan menanggung rugi dan melindungi Penjual, anak syarikat, ahli-ahli gabungan, ibu bapa, pegangsi, pengganti mereka dan penerima serahhak, dan setiap pengarah, pegawai, pekerja dan ejen-ejen mantan dan semasa mereka (secara kolektif "**Penjual Dilindungi**") daripada

- dan terhadap semua kerugian, kerosakan, liabiliti, permintaan, tuntutan, tindakan, penghakiman, caj, kos mahkamah, dan undang-undang atau perbelanjaan lain-lain, termasuk, tiada had kepada, fi-fi wakil dan peguam yang munasabah ("Liabiliti"), yang Penjual Dilindungi mungkin menanggung atau menjadi bertanggung untuk mempertahankan atau menjejaskan apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada, berkaitan dengan, atau yang berkaitan dengan pembelian, penjualan, atau penggunaan Barang dan Perkhidmatan daripada Pembeli, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penyalahgunaan oleh Pembeli Barang dan Perkhidmatan, tuntutan alam sekitar yang disebabkan penggunaan Barang atau Perkhidmatan oleh Pembeli, atau apa-apa perbuatan atau peninggalan lain, salah laku yang disengajakan atau kecuai, sama ada aktif atau pasif, di pihak Pembeli; bagaimanapun hanya sekiranya Pembeli tidak akan mempunyai obligasi tanggungruji di bawah perenggan ini untuk apa-apa liabiliti semata-mata oleh salah laku atau kecuai yang disengajakan oleh seorang Indemnitee Penjual atau diliputi oleh obligasi ganti rugi pelanggaran oleh Penjual yang dinyatakan dalam Terma ini.
15. **Fi Peguam.** Jika salah satu pihak membawa apa-apa tindakan undang-undang terhadap pihak lain untuk menguatkuasakan Terma-Terma ini, pihak semasa akan layak mendapatkan fi dan kos peguam yang munasabah daripada pihak bukan semasa.
 16. **Force Majeure.** Penjual tidak perlu menanggung tanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan yang disebabkan oleh kejadian atau keadaan yang melebihi kawalannya yang munasabah.
 17. **Penyerahhakan.** Pembeli tidak akan mempunyai hak untuk menyerahhakan atau memindahkan Sebut Harga atau Perintah, secara keseluruhan atau sebahagian, kecuali dengan persetujuan bertulis oleh Penjual terlebih dahulu. Penjual berhak untuk menyerahhakan, atau mewakilkan kepada atau subkontrak obligasi atau mana-mana bahagiannya, kepada mana-mana gabungan atau pengganti kepada perniagaannya atau aset yang berkaitan dengan Terma-Terma ini. Penjual tidak berhutang jaminan kepada mana-mana pihak ketiga.
 18. **Konvensyen PBB.** Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kontrak untuk Jualan Antarabangsa tidak akan dipakai dalam Terma-Terma ini.
 19. **Penyelesaian Pertelingkahan dan Undang-undang.** Perjanjian ini akan ditafsirkan di bawah undang-undang negara, negeri, wilayah atau bidang kuasa tempatan lokasi ibu pejabat Penjual di negara itu. Setiap pihak mengetepikan haknya untuk perbicaraan terhadap apa-apa tuntutan atau kuasa tindakan yang berasaskan atau yang timbul daripada Perjanjian ini atau isinya. Penjual mengikut budi bicara yang munasabah, akan menentukan forum dan kaedah penyelesaian sebarang pertelingkahan yang berkaitan dengan istilah tersebut.
 20. **Notis.** Setiap pihak akan memberikan apa-apa notis yang dikehendaki atau yang dibenarkan di bawah Terma-Terma ini secara bertulis, yang dihantar oleh kurier semalaman atau kurier antarabangsa yang bereputasi dengan penghantaran yang disahkan kepada pihak lain di alamat pihak itu dalam Invois. Notis akan berkuat kuasa dari tarikh penerimaan. Apa-apa notis yang diberikan oleh Pembeli mengenai Terma-Terma dan Syarat-Syarat

ini akan disalin ke Jabatan Undang-undang Gates, Perhatian: General Counsel, 1551 Wewatta Street, MC 10 -A5, Denver, Colorado, 80202, Amerika Syarikat.

21. **Pematuhan Undang-Undang.** Pembeli membuat representasi dan menjamin bahawa Pembeli mematuhi, dan akan sentiasa mematuhi, semua "Undang-undang yang Terpakai", bermakna semua undang-undang terpakai antarabangsa, negara dan tempatan dan peraturan-peraturan, termasuk, tanpa had, undang-undang berhubung dengan buruh dan pekerjaan (termasuk gaji dan undang-undang buruh kanak-kanak), keselamatan pekerja, privasi data, perlindungan pengguna, perlindungan alam sekitar, operasi perniagaan, perlesenan, dan pemberian kuasa, pengezonan, import/eksport, penghantaran, tanpa diskriminasi, dan undang-undang anti-rasuah termasuklah Akta Rasuah Asing Amerika Syarikat 1977 (United States Foreign Corrupt Practices Act of 1977), Akta Rasuah United Kingdom 2010 (UK Bribery Act of 2010) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
22. **Bahasa.** Terma-Terma ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke Bahasa Melayu. Sekiranya Terma-Terma ini diterjemahkan untuk kemudahan atau keperluan undang-undang, versi Bahasa Inggeris akan berkuasa jika ada sebarang konflik dengan versi Bahasa Melayu setakat mana yang diizinkan oleh undang-undang terpakai.
23. **Pelbagai.** Masa bayaran menjadi intipati. Pembeli mengakui bahawa Pembeli tidak didorong untuk membeli mana-mana Barangan atau Perkhidmatan daripada Penjual oleh sebarang representasi atau jaminan yang tidak dinyatakan di dalam ini. Terma-Terma ini terdiri daripada keseluruhan perjanjian oleh pihak-pihak demikian dan menggantikan semua perjanjian-perjanjian yang sedia ada dan semua perhubungan oral atau bertulis yang lain di antara pihak-pihak berkenaan dengan hal perkara di dalam ini. Tiada terma dan syarat terkandung dalam ini boleh ditambah, diubahsuai, digantikan atau diubah melainkan dengan dokumen bertulis yang ditandatangani oleh wakil Penjual yang diberi kuasa. Sebarang penepian atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana peruntukan pada satu ketika tidak akan dianggap penepian mana-mana peruntukan lain atau peruntukan tersebut pada ketika lain. Tajuk-tajuk seksyen yang terkandung dalam Terma-terma ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak akan menjejaskan tafsiran mana-mana peruntukan. Jika sebarang peruntukan yang terkandung dalam Terma-Terma ini adalah dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan, pihak-pihak akan segera menggantikan peruntukan yang tidak sah itu dengan peruntukan yang sah dan boleh dikuatkuasakan yang paling berkait rapat dengan tujuan dan kesan ekonomi peruntukan yang tidak sah itu dan peruntukan-peruntukan lain akan kekal dengan penuh kuasa dan kesan. Seksyen 1, 9, 10, 11, 13, dan 15-23 akan masih wujud walaupun dengan penamatan Terma-Terma ini.